

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 JULY 2017

Nantikan 'Langkah Kajang sebenar': PM

BH - 12/7/2017
pg. 5

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak, menyifatkan pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang yang bakal dilancarkan Isnin ini, sebagai 'Langkah Kajang sebenar'.

Kenyataan sinis itu yang disampaikan Perdana Menteri menerusi laman Twitter dan Facebook rasminya, adalah sindiran terhadap langkah politik PKR tiga tahun lalu.

"Langkah Kajang sebenar. Akan datang tujuh hari lagi," katanya dalam status yang turut diselitkan gambar Stesen MRT Kajang.

Operasi Fasa 2 MRT laluan Semantan-Kajang akan dilancarkan

pada 17 Julai ini, sekali gus melengkapkan jajaran Sungai Buloh-Kajang (SBK) sepanjang 51 kilometer (km). Fasa 1 membabitkan laluan dari Sungai Buloh ke Semantan sepanjang 21km, mula beroperasi pada 16 Disember tahun lalu.

Bina di kawasan strategik

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan Pengarah Komunikasi Strategik dan Hubungan Pihak Berkepentingan MRT, Datuk Najmuddin Abdullah, berkata fasa kedua Laluan SBK sejauh 30km itu, mempunyai 19 stesen termasuk tujuh

stesen bawah tanah dengan majoriti stesen dibina di kawasan strategik yang tidak ada perkhidmatan rel bandar.

Stesen berkenaan ialah Muzium Negara, Tun Razak Exchange Centre, Cochrane, Taman Pertama, Taman Midah, Taman Connaught, Taman Mutiara, Suntex, Sri Raya, Bandar Tun Hussein Onn, Batu 11, Cheras, Bukit Dukung, Sungai Jerneh and Merdeka.

Katanya, 14 stesen terletak di kawasan strategik dan padat penduduk bagi memudahkan orang awam berulang-alik ke pusat bandar.